

YB abai tugas jangan harap dipilih semula

BH- 15/5/2004: 2

MELAKA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengulangi ingatan kepada wakil rakyat Barisan Nasional (BN) bahawa mereka akan digugurkan pada pilihan raya umum akan datang jika gagal melaksanakan tanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, BN hanya mahu wakil rakyat yang mampu bekerja untuk rakyat bagi memenuhi mandat yang diberikan pada pilihan raya umum lalu.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, wakil rakyat yang tidak melaksanakan tanggungjawab tidak boleh digugurkan sehingga pilihan raya umum akan datang kecuali jika mereka mahu berhenti.

“Ertinya kalau tak kerja kuat, dia memang tidak mahu jadi wakil rakyat. Kita hendak wakil rakyat yang nak bekerja untuk rakyat yang telah beri mandat kepada mereka,” katanya selepas merasmikan Terminal Bas dan Bazar Melaka Sentral berharga RM53.7 juta dan majlis kesyukuran BN, di Peringgit, semalam.

Hadir pada majlis itu Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul

Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn. Kira-kira 5,000 menyambut ketibaan Perdana Menteri pada majlis itu.

Terminal yang terletak di kawasan 18.6 hektar mengandungi tiga komponen utama iaitu terminal bas serta teksi, pasar besar dan bazar. Ia mendapat pengiktirafan oleh Malaysia Book of Records (MBO).

Pada majlis itu Abdullah turut mendapat anugerah Bapa Kegemilangan Malaysia yang disampaikan Mohd Ali.

Perdana Menteri yang dalam lawatan kerja sehari ke Melaka sebelum itu menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Aziz, Bukit Palah dan mengadakan pertemuan tertutup kira-kira satu setengah jam dengan wakil rakyat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Parlimen BN negeri, di Hotel Renaissance.

Terdahulu ketika berucap pada majlis perasmian Melaka Sentral dan majlis kesyukuran BN, beliau berkata, gelaran Yang Berhormat (YB) bukan untuk berseronok, sebaliknya YB membawa makna Yang Bekerja, Yang Berusaha dan Yang Berkhidmat.

“Jenis yang tak bekerja jangan



PAK LAH disarungkan selendang Bapa Kegemilangan oleh Mohd Ali sambil diperhatikan Khalil di Melaka, semalam. – Gambar oleh Nashairi Md Nawi

harap jadi calon semula. Mereka yang jadi YB adalah orang yang beramanah, baik dan mahu bekerja. Itulah gelaran YB yang sebenar,” katanya.

Beliau mengingatkan wakil rakyat supaya jangan lupa sokongan yang diberikan rakyat kepada mereka kerana di sebalik sokongan itu mengandungi harapan besar

yang disandarkan kepada mereka.

“Janganlah disia-siakan harapan itu. Amat penting wakil rakyat memberikan perkhidmatan bermutu dan sentiasa beribawa serta mengelakkan diri daripada terbabit dalam kegiatan yang boleh memalukan parti,” katanya.